

03 MAY 2002

MAHATHIR-TELEKOM/I

MAHATHIR GESA TELEKOM TURUNKAN KADARNYA

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menggesa Telekom Malaysia Berhad supaya menurunkan kadarnya supaya lebih banyak rakyat boleh menggunakan kemudahan-kemudahan telekomunikasi.

"Kita menggesa Telekom supaya menurunkan bayarannya supaya lebih banyak rakyat boleh menggunakan telekomunikasi bagi semua perkara termasuk capaian kepada maklumat," beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan satu seminar ICT yang dianjurkan oleh Pemuda Umno di sini hari ini.

Kerajaan adalah pemegang saham penguasaan Telekom Malaysia.

Badan-badan berkaitan Kerajaan secara kolektif menguasai lebih daripada 80 peratus Telekom Malaysia.

Telekom Malaysia memperolehi lebih daripada 90 peratus daripada paaran talian tetap Malaysia.

Kadar panggilan telefon yang disemak daripada Telekom berkuat kuasa 1 Mac, tahun ini. Di bawah kadar baru itu, semua panggilan tempatan akan berharga lapan sen bagi dua minit pertama dan empat sen bagi setiap minit berikutnya berbanding dengan bayaran sebelum ini sembilan sen bagi tiga minit pertama dan tiga sen bagi setiap minit berikutnya.

Kadar-kadar jarak jauh domestik dikurangkan di antara 23 peratus dan 54 peratus dan tarif IDD (dial terus antarabangsa) dikurangkan di antara tujuh peratus dan 67 peratus.-- BERNAMA

LES SD OS